

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

12. Peluang pekerjaan di Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Pulau Pinang dari 2018-2020.
- (b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu anak muda memperolehi kerja?
- (c) Nyatakan peratusan kadar pengangguran di Pulau Pinang dari 2018-2020.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Survei Tenaga Buruh (STB), sejumlah 43,023 peluang pekerjaan tersedia di Pulau Pinang pada tahun 2018. Data bagi tahun 2019 dan 2020 belum diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
- (b) Inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu anak muda untuk memperoleh kerja di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

(IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Pulau Pinang;

- (ii) Mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang pekerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*);
- (iii) Menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk *startup* dan memberi bantuan melalui projek @CAT (*Accelerator for Creative, Analytics & Technology*) untuk meningkatkan peluang pekerjaan. @CAT berfungsi bagi mempercepatkan proses penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *Big Data Analytics* (BDA) dan *Internet of Things* (IoT); dan
- (iv) Membantu anak muda dengan menjalankan pepadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan dari majikan melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Pinjaman Harapan (SPH).

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bermula 2009 sehingga kini. Sehingga 29 Februari 2020, seramai 3,520 usahawan/penerima bantuan pembiayaan mikro kredit yang telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM19.4 juta telah disalurkan.

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga 29 Februari 2020, sebanyak RM863,000.00 telah diagihkan kepada 156 orang usahawan untuk menikmati kemudahan kredit ini.

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan).

Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperolehi hasil yang lebih lumayan.

(c) Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Pulau Pinang bagi tahun 2018 berada pada paras 2.2%. Kadar pengangguran di Pulau Pinang bagi tahun 2019 dan 2020 belum diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.